

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 21 - 27 OGOS 2025

mediaselangor.com

27 saluran air paip selamat diminum

MUKA
3

- semua 34 saluran loji rawatan capai piawaian selamat diminum pada 2028
- dua saluran capai tahap sama tahun ini, empat lagi antara 2026 hingga 2028
- kualiti air capai tahap 81.8 peratus, atasi markah minimum iaitu 80 peratus
- analisis 1,500 sampel air di makmal secara berkala
- bina 190 stesen untuk teliti bacaan setiap 15 minit

Sungai tercemar? Bekalan tidak lagi terjejas

Sejak Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) beroperasi

sepenuhnya Mei lalu, orang ramai tidak lagi berdepan gangguan bekalan seperti sebelum ini meski pencemaran sungai berlaku

LAPORAN KHAS

MUKA 4



Semangat sekumpulan kanak-kanak berbasikal yang mengibar Jalur Gemilang terserlah menjelang Hari Kebangsaan ke-68 di TTDI Jaya, Shah Alam pada 17 Ogos 2025. Foto REMY ARIFIN



MediaSelangor

Terbaik Selangor,
Semuanya Di Sini

www.mediaselangor.com

#mediaselangordahlain



Cari pemaju siapkan projek pangsapuri

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti pemaju baharu untuk menyiapkan Projek Rumah Selangorku Pangsapuri Morib Anggun di Kuala Langat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihaknya komited mencari penyelesaian menyeluruh projek yang tergendala sejak beberapa tahun lalu.

"Apabila sesuatu projek terbengkalai, ia biasanya melibatkan 'wira penyelamat', iaitu syarikat yang sanggup dan mampu mengambil alih. Tetapi tidak semua syarikat mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian.

"Dalam kes Morib, kita masih belum mempunyai penyelesaian menyeluruh. Pemaju asal telah bankrap, menghilangkan diri. Mencari pemaju yang mempunyai kemampuan kewangan dan kesanggupan mengurus semua isu berkaitan adalah sesuatu yang sukar.

"Fokus kami sekarang adalah mencari pemaju yang bersedia mengambil alih dan menyiapkan projek ini," katanya seperti dilaporkan The Star baru-baru ini.

Mangsa letupan terima RM20,500

SHAH ALAM - Sejumlah RM20,500 disumbangkan Misi Team Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) Prihatin kepada mangsa terjejas insiden letupan paip gas di Putra Heights, Subang Jaya pada 1 April.

Kutipan menerusi sumbangan peribadi pegawai dan kakitangan HASiL seluruh negara itu diserahkan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) Shaharrudy Othman kepada Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Shaharrudy berkata sumbangan itu bagi meringankan beban mangsa terjejas susulan letupan yang menyebabkan kerosakan teruk kediaman dan kemudahan selain menjejaskan pendapatan.

"Kita prihatin dengan apa yang terjadi kepada rakyat Malaysia, jadi atas dasar itu kita laksanakan kutipan dan serahkan sumbangan," katanya pada 15 Ogos.

Tulang boleh jadi bukti forensik

SHAH ALAM - Serpihan tulang yang tinggal pada mayat yang lama dikebumikan masih mampu memberi petunjuk penting bagi membantu siasatan forensik.

Mantan Pakar Perunding Kanan Forensik dan Patologi Profesor Dr Shahrom Abdul Wahid, 68, menjelaskan pemeriksaan teliti pada tulang boleh mendedahkan banyak maklumat termasuk kecederaan dialami mangsa sebelum kematian.

"Contohnya, kesan patah menun-

jukkan sama ada mangsa kena hentak, mempertahankan diri, atau cedera akibat serangan. Walaupun tisu lembut sudah hilang, tulang mampu simpan bukti berharga," katanya dalam program Bicara Semasa terbitan Media Selangor.

Beliau menjelaskan kaedah imbasan seperti tomografi berkomputer (CT Scan), pengimejan resonans magnetik (MRI) serta ujian histopatologi boleh digunakan untuk meneliti cebisan tulang atau tisu.

Dr Shahrom berkata kaedah sama

juga boleh mengesahkan punca kecederaan akibat hentakan kuat, kemalangan atau serangan bersenjata.

Selain itu, proses gali semula mayat juga antara prosedur penting dalam bidang forensik bagi merungkai keraguan punca kematian seseorang.

Bagaimanapun, Dr Shahrom berkata, proses berkenaan dilakukan dengan arahan mahkamah majistret namun kes seumpama itu jarang berlaku di Malaysia kerana kebanyakan siasatan dilakukan lebih awal melalui bedah siasat.

ALAS belanja RM3.8 juta

Al-Quran tunjang bina modal insan

Oleh **UFAIRAH TARMIDZI**

SHAH ALAM - Akademi Literasi Al-Quran Selangor (ALAS) menerima RM1 juta bagi memperkasa usaha melahirkan masyarakat Islam yang celik dan mahir al-Quran, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha itu merangkumi pembangunan modul pembelajaran dan memperluas capaian pendidikan al-Quran di lima daerah terpilih iaitu Kuala Selangor, Sabak Bernam, Batang Kali, Sepang dan Gombak.

"Dana ini akan digunakan untuk memperkukuh pengajaran, melatih guru-guru berkualiti, membangunkan modul inovatif. Insya-Allah pengajian al-Quran dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat.

"Kita tidak mahu ilmu al-Quran menjadi hak eksklusif segelintir masyarakat tetapi menjadi warisan bersama untuk seluruh rakyat Selangor," katanya dalam majlis konvokesyen ALAS pada 16 Ogos.

Tambah Amirudin, Selangor meletakkan al-Quran sebagai tunjang pembinaan modal insan kerana ke-

makmuran negeri bukan hanya diukur dari pembangunan fizikal tetapi pada kesuburan akhlak, keteguhan akidah dan ketinggian ilmu yang diwariskan kepada generasi akan datang.

Pengurus ALAS Abu Dzar Adanan berkata RM3.8 juta dibelanjakan bagi melaksana program pendidikan dan latihan mendalam kitab suci sepanjang tahun ini.

Beliau berkata peruntukan tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkasa pembelajaran al-Quran, serta pembangunan modal insan yang berteraskan nilai-nilai Islam.

Semak status menara telekomunikasi

SHAH ALAM - Sebanyak 1,100 menara telekomunikasi di Selangor dikenal pasti perlu menjalani proses pemutihan bagi mengelakkan gangguan rangkaian kepada pengguna.

EXCO Pembudayaan Inovasi Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata sekitar 800 menara didapati tidak bertuan atau dipercayai dibina atas tanah haram sejak lebih 10 tahun lalu.

"Kerajaan Negeri meneliti untuk merobohkan menara telekomunikasi

tidak bertuan dan haram ini termasuk akan memberi notis perobohan dalam tempoh 30 hari.

"Tindakan ini penting untuk masa depan Selangor dalam menjadi sebuah negeri pintar. Gangguan rangkaian tidak sepatutnya wujud kerana ia akan memberi imej buruk kepada Kerajaan Negeri," katanya selepas sesi Libat Urus Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersama pusat khidmat wakil rakyat.

Program yang disertai 50 peserta itu bertujuan mencari penyelesaian lebih menyeluruh, memperkenalkan saluran aduan rasmi yang tersusun selain memperkukuh kerjasama antara SKMM dan pejabat wakil rakyat.

"Saya berharap inisiatif ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan mereka yang hadir boleh menjadi duta maklumat di komuniti masing-masing bagi menyampaikan pengetahuan yang diperolehi."

Didik emosi anak seawal 4 tahun

KUALA LUMPUR - Emosi anak-anak perlu dididik sebaik mungkin seawal usia empat tahun bagi mengelakkan mereka menjadi generasi pembuli, kata pengarah urusan dan pakar psikologi kanak-kanak CPC International.

Menurut Dr Noor Aishah Rosli, perlakuan membuli tidak muncul secara tiba-tiba, sebaliknya sudah terdidik sejak kecil selain kurang belajar mengenai emosi.

"Kes remaja atau kanak-kanak membuli kawan-kawan ini kerana mereka

kurang belajar tentang emosi. Sedangkan didikan emosi yang baik perlu dibuat sejak usia empat tahun lagi.

"Barulah anak ini akan membesar dengan rasa hormat orang lain dan tahu untuk mengasihi insan lain. Semuanya didikan dari masa kecil," katanya pada 15 Ogos.

Jelas Dr Noor Aishah lagi, buli berlaku apabila wujudnya kumpulan atau 'geng' yang cuba menguasai individu lemah.

"Geng ini tahu siapa lemah dan mereka cuba kawal orang lemah ini,

ia berlaku sebab remaja atau kanak-kanak ini tiada sifat empati atau belas kasihan, jiwa dan hati mereka kering.

"Rawatan terbaik buat mereka berusia 18 tahun ke bawah ini adalah psikologi, beri pendidikan. Jika hendak hukum perlu ada ilmu dan barulah akan membentuk emosi yang baik," katanya.

Beliau turut menyokong Gerakan Gubal Akta Anti Buli digerakkan Pengerusinya Wan Azliana Wan Adnan yang mendesak kerajaan mempercepat pengubalan Akta Anti Buli.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

27 rangkaian bekalan selamat

Minum air terus dari paip mulai 2028

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

SHAH ALAM - Air daripada 27 saluran paip daripada semua 34 loji rawatan air (LRA) di Selangor mencapai piawai selamat diminum setakat ini, kata EXCO Infrastruktur Dato' Ir Izham Hashim.

Menyatakan dua saluran ditambah tahun ini dan empat lagi antara 2026 hingga 2028, beliau berkata air dari semua saluran boleh diminum tanpa risiko kesihatan dalam tiga tahun lagi.

Ir Izham memberitahu Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mencapai tahap 81.8 peratus membabitkan 27 saluran berkenaan, mengatasi markah kualiti minimum iaitu 80 peratus.

"Bagi pematuan standard kualiti



air minum (DWQS), setiap tahun Selangor memang sentiasa berada pada tahap baik iaitu 99.94 peratus pada Mei lalu.

"Bagi kualiti air boleh diminum, ia dinilai menerusi indeks kualiti air minum (DWQI)," katanya kepada Media Selangor baru-baru ini.

Beliau berkata sebanyak 34 loji ada rangkaian paip sendiri kecuali satu yang dikongsi dua loji dan setiap rangkaian itu menuju ke kolamimbangan yang menyalur air kepada pengguna.

Menurut Ir Izham lagi, dua kaedah pemantauan digunakan bagi memastikan kualiti air terpelihara meliputi tahap asid atau alkali (pH) air, kekeruhan, warna dan baki klorin bebas.

■ pemeriksaan 1,500 sampel air dihan-

tar ke makmal untuk dianalisis secara berkala.

■ penganalisis kualiti air pengagihan hibrid masa nyata (Hydra), stesen pemantauan kualiti dalam talian, memberi isyarat penggera jika anomali (penyimpangan sifat) dikesan dalam air.

Beliau juga memberitahu sebanyak 190 stesen Hydra dibina untuk meneliti bacaan setiap 15 minit yang datanya diperoleh setiap hari demi memastikan kualiti air sentiasa terpelihara.

Ir Izham menjelaskan stesen Hydra bukan sahaja dipasang di loji rawatan air tetapi mana-mana lokasi yang memerlukan pemantauan dan isyarat penggera berbunyi jika berlaku bacaan aneh.

"Kita tidak mahu air di loji baik tetapi kualitinya turun apabila masuk ke paip," katanya.

Mula wakaf RM1, cetus saham akhirat

SHAH ALAM - "Mulakan dengan seringgit, asalkan berterusan."

Itu pesanan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) Anuar Hamzah Tohar yang menyeru masyarakat khususnya anak muda menjadikan wakaf sebagai amalan harian walaupun jumlahnya kecil.

"Kadang-kadang waktu muda kita rasa duit tak cukup, itulah masa terbaik untuk bersedekah. Lama-kelamaan, Allah akan gantikan dengan rezeki yang tidak disangka," katanya dalam program Bicara Semasa bertajuk Pedulilah Aku Tentang Wakaf? terbitan Media Selangor.

Mengulas konsep wakaf, Anuar menyifatkannya sebagai 'pelaburan akhirat' yang sering dilupakan berbanding pelaburan duniawi.

"Untuk pelaburan duniawi, kita hanya nampak keuntungan 10 atau 20 peratus, tetapi wakaf adalah pelaburan yang akan memudahkan urusan kita di akhirat. Sama ada anak muda atau orang tua, jangan abaikan," katanya.

Beliau menjelaskan wakaf kini lebih mudah dilakukan kerana selain tanah dan bangunan, masyarakat boleh mewakafkan wang tunai atau harta alih seperti kenderaan.

THE ATERA PETALING JAYA

APARTMEN SERVIS DI PETALING JAYA

Sebuah pembangunan berorientasikan transit, The Atera bakal menjadi idaman warga Seksyen 14, PJ dengan rangkaian kemudahan moden seperti akses mudah ke Stesen LRT Asia Jaya yang terletak dalam lingkungan jarak 400m.

Para penghuni juga dapat menerokai keseluruhan bandaraya Petaling Jaya dan Kuala Lumpur dengan senang, menerusi jaringan lebuh raya utama seperti Lebuh raya Federal, LDP, SPRINT, NPE, dan NKVE.

Pakej istimewa untuk pembeli Bumiputera

ParamountPropertyMY | paramountpropertymy | Paramount Property Malaysia

03 9212 3092

Paramount Property Gallery @ The Atera
Aneka Sepakat Sdn Bhd 201701043498 (1257671-M)
PT29, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz, Seksyen 13,
46200 Petaling Jaya, Selangor



Gambaran Artis Sahaja

Kehidupan Bandar yang Terunggul.

- 400m ke LRT Asia Jaya
- Unit Pangsapuri Servis sehingga 4 Bilik Tidur, 3 Bilik Mandi
- Keluasan unit dari 775 - 1,420 kps
- 61 fasiliti bercirikan gaya hidup
- Harga bumi dari RM622,821*
- Unit berperabot*
- Dilengkapi dengan teknologi Rumah Pintar
- Dilengkapi dengan stesen pengecasan EV
- Pengiktirafan GreenRE Perak

*Tertakluk kepada terma dan syarat.

GreenRE®
Imbas untuk Melayari Laman Web Kami

The Atera Fasa 1 • Pemaju: Aneka Sepakat Sdn Bhd 201701043498 (1257671-M) • Co-labs Coworking Shah Alam, B-02-01 (Block B), Sekitar 26 Enterprise, Persiaran Hulu Selangor, Seksyen 26, 40400 Shah Alam, Selangor • No. Lesen Pemaju: 30161/08-2027/0160(A) • Tempoh Sah: 26/08/2022 - 25/08/2027 • No. Permit Iklan dan Jualan: 30161-1/10-2025/0272(A)-(S) • Tempoh Sah: 28/10/2022 - 27/10/2025 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No. Kelulusan: MBPJ/120100/T/P10/610/2022(7) • Bebanan Tanah: Hong Leong Bank Berhad • Pegangan Tanah: Pajakan • Tarikh Tamat Tempoh Pajakan: 7 April 2103 • Tarikh Dijangka Siap: November 2027 • Jenis Rumah: Pangsapuri Servis • Jumlah Unit: 756 Unit • Luas Binaan: 559 - 1,420 kps • Harga Minimum: RM270,000.00 • Harga Maksimum: RM1,374,471.00 • Diskaun untuk Bumiputera: 10% • Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak, atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

The Atera Fasa 2 • Pemaju: Aneka Sepakat Sdn Bhd 201701043498 (1257671-M) • Co-labs Coworking Shah Alam, B-02-01 (Block B), Sekitar 26 Enterprise, Persiaran Hulu Selangor, Seksyen 26, 40400 Shah Alam, Selangor • No. Lesen Pemaju: 30161/08-2027/0160(A) • Tempoh Sah: 26/08/2022 - 25/08/2027 • No. Permit Iklan dan Jualan: 30161-2/04-2027/0314(A)-(S) • Tempoh Sah: 16/04/2024 - 15/04/2027 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No. Kelulusan: MBPJ/120100/T/P10/0611/2022 • Bebanan Tanah: Gadaian (Hong Leong Bank Berhad) • Pegangan Tanah: Pajakan • Tarikh Tamat Tempoh Pajakan: 7 April 2103 • Tarikh Dijangka Siap: Oktober 2028 • Jenis Rumah: Pangsapuri Servis • Jumlah Unit: 876 Unit • Luas Binaan: 559 - 1,420 kps • Harga Minimum: RM270,000.00 • Harga Maksimum: RM1,462,300.00 • Diskaun untuk Bumiputera: 10% • Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak, atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

PARAMOUNT
PROPERTY
The People's Developer™

Oleh NADIAH ZAMLUS

LEBIH 5 juta pengguna tidak berdepan masalah ketiadaan bekalan air pada Julai lalu apabila kerja henti tugas loji rawatan air (LRA) berjaya dielakkan walaupun berlaku pencemaran tiga kali di Sungai Semenyih.

Pencemaran berlaku pada 5, 15 dan 28 Julai itu kebiasaannya menyebabkan LRA terpaksa dihentikan, namun siapnya Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) pada 13 Mei membolehkan pengguna menarik nafas lega.

Kejayaan itu hasil pelan SJAM, inisiatif jaminan bekalan air bersih secara 24 jam pertama dalam negara yang mula dilaksana sejak 2021 dengan empat pakej di Kuala Selangor dan Semenyih.

Ikuti lebih banyak pendedahan menarik dalam portal mediaselangor.my



Lantik perunding Pelan Induk Air Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memulakan fasa kedua Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) selepas selesai melantik perunding Pelan Induk Air Selangor, kata pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Menurut Dato' Johary Anuar, antara pelaksanaan pelan itu adalah mengubah air sisa dari perbandaran atau industri menjadi air yang boleh digunakan semula.

"Hasratnya supaya air yang diproses itu boleh digunakan untuk pelbagai tujuan sekali gus kelestarian air di Selangor semakin berdaya tahan.

"Selain itu hala tuju lain adalah memastikan pengurusan air yang mampan meliputi pengurusan banjir. Kalau air kurang kita hadapi masalah bekalan, namun jika lebih pula, berlaku banjir dan pelan induk ini akan ambil kira kedua-dua aspek secara menyeluruh," katanya.

Pada 13 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan Kerajaan Negeri sedang merangka pelan induk bagi menangani isu berkaitan bekalan air jangka panjang, pencemaran serta penyelesaian masalah banjir di kawasan tertentu.

Pelan induk yang bakal dijadikan garis panduan dalam mengurus sumber air merangkumi aspek penyimpanan, lokasi kolam tadahan dan sistem kawalan banjir jangka panjang itu, dijangka siap dalam tempoh setahun lagi.

Sehingga kini, lebih 100 kolam dikenal pasti di seluruh negeri dan dalam proses digazetkan sebagai kawasan simpanan strategik.

Pencemaran turun sekali ganda

SHAH ALAM - Pencemaran sungai di negeri ini turun hampir sekali ganda dengan 31 kes setakat 15 Ogos berbanding 52 kes pada tahun lalu, maklum Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Menurut agensi pengurusan sumber air negeri itu, pencemaran tertinggi direkod pada 2022 iaitu 88 kes dan turun 44 kes pada tahun berikutnya hasil pelaksanaan Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) yang mengawal permasalahan kualiti air tanpa menjejaskan operasi loji rawatan air (LRA).

"Pindaan hukuman berhubung kesalahan pencemaran sumber air daripada RM100,000 kepada RM1 juta dan penjara mandatori turut berjaya menyampaikan mesej bahawa LUAS dan Kerajaan Selangor serius memastikan sumber air sen-

tiasa dipelihara," katanya.

LUAS memaklumkan jumlah henti tugas LRA turut berkurang sejak 2020 bermula 15 kes diikuti 2021 (2), 2022 (4), 2023 (5), 2024 (4) dan tiada henti tugas dilaksana pada tahun ini.

Selain itu, Unit Skwad Elit Air LUAS (SKEAL) (dahulu Skwad PANTAS) turut membantu mengawal pencemaran sumber air menerusi pemantauan statik dan rondaan 24 jam di kawasan tumpuan sekitar lembangan Sungai Selangor dan Sungai Langat.

"LUAS melalui Unit SKEAL turut menyelaras tindakan kawalan segera bersama pelbagai agensi serta pihak berkepentingan di peringkat kerajaan persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui platform Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor," katanya.

Tahun	Bilangan gangguan	Loji terlibat
2020	15	• Rantau Panjang • SSP1, SSP2, SSP3 • Sungai Semenyih • Bukit Tampoi • Sungai Selisik • Sungai Dusun
2021	2	• Sungai Semenyih
2022	4	• Sungai Semenyih • Bukit Tampoi
2023	5	• Sungai Semenyih • Bukit Tampoi • Rantau Panjang • SSP1, SSP2, SSP3 • Sungai Gombak • Batang Kali
2024	4	• Sungai Gombak • SSP1, SSP2, SSP3 • Bernam River Headworks (BRH)
2025 (hingga Ogos)	Tiada	Tiada

Tiga kali pencemaran sumber air

Pengguna tidak alami gangguan bekalan

SHAH ALAM - Gangguan bekalan air hampir pasti berlaku sebanyak tiga kali pada Julai lalu akibat pencemaran sumber air jika Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) belum terlaksana.

Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Dato' Johary Anuar berkata orang ramai tidak terjejas sebaliknya mereka terus menerima bekalan air bersih meskipun sumber air tercemar.

"Berlaku pencemaran di Putrajaya dan Pengurusan Air Selangor (Air Selangor) keluar notis akan ada gangguan bekalan.

"Tetapi disebabkan SJAM diaktifkan, dalam enam hingga tujuh jam, pencemaran bau dapat diatasi dan pengguna tidak perlu hadapi ketiadaan bekalan air," katanya kepada Media Selangor.

→PENCEMARAN 28 JULAI: Bau abnormal dikesan di Sungai Semenyih sekitar jam 1.40 pagi. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) aktifkan kod kuning yang boleh sebabkan bekalan air terganggu. Siasatan dapati ada buangan kitar semula dan tumpahan seakan-akan minyak

→PENCEMARAN 15 JULAI: Peningkatan bacaan ammonia di muka sauk LRA Sungai Semenyih menyebabkan operasi pengepaman SJAM dari kolam C diaktifkan. Air di pam sebanyak 616 juta liter sehari (JLH)

→PENCEMARAN 5 JULAI: Bau abnormal dikesan berhampiran muka sauk LRA Sungai Semenyih pada 12.30 pagi. Kod kuning diaktifkan, SJAM Pakej C telah diaktifkan dengan pengepaman air sejumlah 770 JLH

Diusahakan sejak 2021, SJAM dibangunkan Kerajaan Selangor yang menelan kos RM320 juta. Fasa satu meliputi Pakej A,B,C dan D termasuk membina kolam takungan HORAS yang boleh menampung air mentah tambahan 300 JLH.

Fasa kedua pula bagi memastikan kecukupan air mentah ketika menghadapi musim kemarau. Justeru, Kerajaan Negeri menyenaraikan semua kolam takungan dan tasik bagi memanfaatkan sumber air alternatif

Selain itu, rumah pam yang dibina di Kolam Hang Tuah 5 untuk LRA Rantau Panjang di Bestari Jaya, Kuala Selangor

juga membekal air bersih jika pencemaran berlarutan.

Pelencongan sungai dan pengepaman di LRA Sungai Selangor Fasa (SSP) 1, 2 dan 3 membabitkan Pakej C juga boleh mengelakkan pencemaran memasuki loji.

Menurut Johary, LRA Sungai Selangor dan LRA Rantau Panjang membekal 60 peratus bekalan manakala LRA Sungai Semenyih meliputi 462 kawasan merangkumi 388,690 akaun pengguna atau kira-kira sejuta penduduk.

"Jika kita tidak ambil apa-apa langkah (membangunkan SJAM), semua LRA akan kerap ditutup kerana pencemaran sumber air boleh berlaku pada bila-bila masa," katanya.

Beliau memberitahu gangguan bekalan akibat pencemaran lazimnya dipulihkan dalam masa singkat tetapi proses penyaluran air mengambil masa dan menyebabkan kelesaan pengguna terjejas.

Johary percaya kejayaan SJAM selari hasrat Rancangan Selangor Pertama sebagai nilai ukur Kerajaan Selangor dalam memastikan bekalan air 24 jam kepada penduduk meski ada pencemaran.

WAKTU SOLAT	21 - 27 OGOS 2025	27 SAFAR - 3 RABI'ULAWAL	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat								Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
			Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak			
21 Khamis	5:51	6:01	7:09	1:19	4:33	7:25	8:35	5:53	6:03	7:11	1:22	4:35	7:27	8:38	5:52	6:02	7:10	1:20	4:34	7:25	8:35					
22 Jumaat	5:51	6:01	7:09	1:19	4:32	7:24	8:35	5:53	6:03	7:10	1:21	4:34	7:27	8:37	5:52	6:02	7:10	1:19	4:33	7:24	8:35					
23 Sabtu	5:51	6:01	7:09	1:19	4:32	7:24	8:34	5:53	6:03	7:10	1:21	4:34	7:26	8:37	5:52	6:02	7:10	1:19	4:33	7:24	8:34					
24 Ahad	5:51	6:01	7:09	1:18	4:31	7:24	8:34	5:53	6:03	7:10	1:21	4:33	7:26	8:36	5:52	6:02	7:10	1:19	4:32	7:24	8:34					
25 Isnin	5:51	6:01	7:08	1:18	4:30	7:23	8:33	5:53	6:03	7:10	1:20	4:32	7:26	8:36	5:52	6:02	7:09	1:19	4:31	7:23	8:33					
26 Selasa	5:50	6:00	7:08	1:18	4:29	7:23	8:33	5:53	6:03	7:10	1:20	4:31	7:25	8:35	5:52	6:02	7:09	1:18	4:30	7:23	8:33					
27 Rabu	5:50	6:00	7:08	1:18	4:29	7:23	8:33	5:53	6:03	7:09	1:20	4:30	7:25	8:35	5:52	6:02	7:09	1:18	4:30	7:23	8:33					



Hitung detik gemilang SUKMA

Oleh NAZLI IBRAHIM

Selepas menanti lebih dua dekad, temasya Sukan Malaysia (SUKMA) kembali ke Selangor tahun hadapan sejak kali terakhir dianjurkan pada April 1998.

Tarikh 15 hingga 24 Ogos 2026 bakal melakar detik penting dalam sejarah penganjuran sukan di Selangor, yang pastinya mahu temasya dwitahunan itu berjalan lancar dan meriah diikuti Para SUKMA pada 5 hingga 14 September.

Sebanyak 37 acara sukan dipertandingkan dengan jangkakan kehadiran lebih 10,000 atlet dan pegawai, menjadikan ia antara edisi terbesar dalam sejarah SUKMA yang dianjurkan kali pertama pada 1986 di Kuala Lumpur.

Lebih manis, buat pertama kalinya, perasmian edisi ke-22 yang bertema 'Rentak Kita, Aksi Kita' akan berlangsung di Litar Antarabangsa Petronas Sepang (Petronas SIC).

Sejak pengumuman Jawatankuasa Tertinggi SUKMA yang memutuskan pemilihan Selangor sebagai tuan rumah, Kerajaan Negeri merangka pelan persiapan dengan melantik timbalan setiusaha Kerajaan Negeri sebagai ketua pegawai eksekutif sekretariat SUKMA.

Pelantikan Dato' Mohd Yazid Sairi diumumkan EXCO Sukan Najwan Halimi berdasarkan pengalaman luasnya dalam bidang pentadbiran awam dan beliau juga timbalan ketua kontinjen Selangor pada SUKMA di Sarawak tahun lepas.

Tambahan acara

Bagi edisi ke-22, 30 acara wajib akan dipertandingkan dengan tambahan dua sukan wajib iaitu tinju dan softball, berbanding 28 sukan sebelum ini.

Jawatankuasa penganjur turut meluluskan tambahan tujuh jenis sukan iaitu e-sukan, kriket, catur, kabaddi, petanque, muay Thai dan silambam dalam temasya itu.

Temasya kali ini juga menyaksikan Selangor sebagai negeri kedua terakhir yang akan menganjurkan SUKMA diikuti Kelantan pada 2027 menggunakan format sedia ada.

Bagi memastikan kesinambungan dan konsistensi dalam pembangunan atlet, Jawatankuasa Tertinggi SUKMA turut mengkaji format baharu sebelum memutuskan sama ada Putrajaya atau Majlis Sukan Negara menjadi penganjur sekali gus mengakhiri kosep tuan

rumah di peringkat negeri.

Pemilihan Petronas SIC sebagai lokasi perasmian dan rakan kerjasama strategik bakal menawarkan suasana segar dan berbeza daripada kebiasaan temasya yang berlangsung di stadium tertutup.



Kesempatan ini juga pastinya mahu dimanfaatkan negeri untuk memberikan pengalaman visual yang mengujakan peminat sukan dan menarik kunjungan pelancong ke Selangor.

Penganjuran tahun hadapan juga bakal melibatkan sembilan daerah dan 12 pihak berkuasa tempatan di seluruh negeri, kecuali acara berbasikal trek yang berlangsung di Velodrom Nasional, Nilai, Negeri Sembilan.

Persediaan arena pertandingan giat dilakukan negeri dan setakat ini mencapai 50 peratus dengan sasaran semua naik taraf selesai menjelang Mac tahun hadapan.

Tumpuan utama ketika ini adalah pembaikan kemudahan sedia ada seperti Pusat Akuatik Darul Ehsan, Lapang Sasar Subang dan Stadium Hoki Pandamaran.

Strategi ini bukan sahaja menjimatkan kos, malah menekankan penggunaan optimum kemudahan awam yang sejak sekian lama menjadi mercu tanda sukan negeri.

Konsortium penyiaran

Lima syarikat media termasuk Media Selangor Sdn Bhd (MSSB) membentuk konsortium penyiar rasmi SUKMA 2026. Konsortium ini akan menjadi model penyiar sukan pertama seumpamanya dalam sejarah penganjuran SUKMA.

Selain MSSB, empat lagi syarikat media dipilih sebagai rakan rasmi adalah Astro, TV Sarawak, SGTV dan Arqiva UK.

SGTV adalah syarikat penyiaran sukan reputasi tinggi di Asia Tenggara yang pernah terlibat dalam penyiaran Selangor Badminton Asia Team Championships 2024, Sukan SEA 2023 Phnom Penh dan Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur.

Syarikat berpangkalan di United Kingdom, Arqiva UK merupakan penyedia kemudahan penyiaran antarabangsa dengan pengalaman lebih 100 tahun manakala MSSB, salah sebuah anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) yang berperanan sebagai media rasmi Kerajaan Selangor.

Insentif lumayan

Kerajaan Negeri juga sedia menambah jumlah insentif kemenangan sebanyak RM2,000 kepada pemenang pingat emas, jika Selangor muncul juara keseluruhan di laman sendiri.

"Kadar insentif sedia ada untuk atlet meraih emas dikekalkan iaitu RM10,000 diberi kepada atlet sukan individu, RM5,000 seorang (acara berpasukan bawah lima orang) dan RM3,000 seorang (acara berpasukan lebih lima orang). Jika Selangor menjadi juara keseluruhan, menjadikan jumlah baharu RM12,000, RM7,000 dan RM5,000,

"Bagaimanapun, jumlah ini masih boleh naik (ditambah). Kita ada setahun dari sekarang, saya akan ikut dan dapatkan analisis daripada jurulatih, Majlis Sukan Negeri dan sebagainya," umum Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Helang Putih yang melambangkan kekuatan dan kesatuan dipilih sebagai maskot kejohanan. Maskot sama juga pernah digunakan pada SUKMA 1998 ketika kali pertama Selangor menjadi tuan rumah dan bergelar juara.

Selangor juga berazam menjadikan edisi kali ini sebagai titik tolak baru bagi landskap sukan tempatan.

Kesungguhan ditunjukkan melalui persiapan teknikal, strategi inklusif dan elemen budaya jelas memperlihatkan kesediaan Selangor memikul tanggungjawab besar sebagai tuan rumah.

Segala perancangan rapi, SUKMA dan Para SUKMA 2026 diyakini bakal berlangsung dengan penuh gemilang serta meninggalkan legasi yang berpanjangan kepada generasi akan datang.



Songkok Malaya martabat warisan

Oleh FITRI HAZIM HAZAM
Foto REMY ARIFIN

Di IKS Merbau Berdarah, Parit 16, Sungai Panjang, tersergam sebuah kilang sederhana yang menyimpan misi luar biasa.

Dari luar kelihatan seperti premis perniagaan biasa, namun di dalamnya terhimpun semangat anak jati Sabak Bernam, Mohd Hafzan Sardi (*gambar*) yang bertekad menghidupkan kembali warisan Melayu melalui songkok.

Bukan sekadar perusahaan, kilang ini menjadi pintu rezeki baharu untuk masyarakat desa. Dengan lapan pekerja termasuk dua belia setempat, jenama Songkok Malaya memasang cita-cita menggandakan tenaga kerja menjelang Aidilfitri tahun depan.

Laluan untuk merealisasikan impian itu tidak mudah. Usahawan berusia 37 tahun itu pernah berada di titik paling rendah dalam hidupnya. Beliau sendiri pernah tersenarai sebagai asnaf.

Namun, kepayahan itu bukan penghalang. Ia menjadi titik tolak untuk bangkit, lalu menjadikan pengalaman lebih 20 tahun dalam dunia pembuatan songkok sebagai azimat untuk membuka jalan rezeki kepada penduduk setempat.

“Kalau saya boleh bangkit, saya mahu orang lain pun ada peluang yang sama,” katanya mengimbau perjalanan hidup yang penuh jatuh bangun.

Pertahan warisan

Songkok bukan sekadar aksesori di kepala. Ia simbol maruah, identiti dan budaya Melayu. Malangnya, sebahagian besar industri pembuatan songkok di negara ini kini dikuasai warga asing. Malah bahan asasnya juga diimport daripada luar.

Bagi Mohd Hafzan yang juga Pengarah Urusan Malaya Revolution Sdn Bhd, ini bukan sekadar cabaran perniagaan tetapi perjuangan mempertahankan warisan bangsa.

Dengan kapasiti pengeluaran mencecah 4,000 unit sebulan daripada dua kilang, beliau menyasar penghasilan songkok hingga 600,000 unit setahun menjelang 2027.

Malah, beliau turut merancang untuk membuka sebuah lagi kilang di daerah sama bagi menampung permintaan sembilan juta songkok bernilai RM180 juta saban tahun di seluruh negara.

Cita-citanya jelas mahu menamatkan dominasi asing dan mengembalikan songkok ke tangan



Foto Facebook Songkok Malaya HQ

usahawan tempatan.

Labur RM200,000

Demi merealisasikan impian itu, Mohd Hafzan melabur RM200,000 untuk menaik taraf bangunan kilang sewaan dari Majlis Daerah Sabak Bernam.

Usahanya itu turut diperkukuh dengan geran Dana Usahawan Madani Selangor berjumlah RM25,000 bagi pembelian mesin.

Majlis peluncuran kilang Songkok Malaya disempurnakan EXCO Pengguna Datuk Rizam Ismail pada 14 Ogos.

Beliau menyifatkan projek tersebut sebagai contoh nyata bagaimana ekonomi desa mampu berkembang seiring dengan penguasaan kemahiran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

“Dengan adanya kilang ini, anak muda kita bukan sahaja belajar membuat songkok, tetapi menguasai kemahiran TVET yang menjanjikan gaji lumayan.

“Sudah tiba masanya kita beri keutamaan kepada pekerja tempatan kerana terlalu lama bidang kemahiran ini didominasi orang luar,” tegasnya.

Wajah baharu

Songkok Malaya membawa wajah baharu kepada warisan lama. Rekaan yang diiktiraf Majlis Reka Bentuk Malaysia ini menggabungkan elemen Kesultanan Johor dan Brunei, memberi sentuhan moden tanpa mengetepikan akar budaya.

Lebih menarik, songkok ini boleh dibasuh, tahan lama dan masih kekal elegan. Harganya pula mesra poket bermula RM25 untuk dewasa dan RM12.90 untuk kanak-kanak, manakala koleksi premium mencecah RM90 bergantung pada saiz.

Satu lagi inisiatif ditawarkan adalah pertukaran songkok lama dengan yang baharu pada harga istimewa.

“Kami mahu orang ramai rasa bangga memakai songkok tempatan tanpa terbeban dengan harga,” jelas Mohd Hafzan.

Segala usaha gigih Mohd Hafzan akhirnya membuahkan hasil. Pada Aidilfitri lalu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menempah songkok Baginda daripada Songkok Malaya.

Ia bukan sekadar penghormatan tetapi bukti bahawa kerja tangan anak tempatan mampu memenuhi cita rasa singgahsana.

Bagi beliau, angka pengeluaran atau nilai jualan bukanlah ukuran sebenar kejayaan. Lebih penting adalah bagaimana songkok yang juga sebuah produk tradisional boleh menjadi jambatan antara generasi lama dan baharu.

Hakikatnya, Songkok Malaya bukan sekadar jenama. Ia adalah kisah mengenai seorang anak kampung yang menenun kembali maruah warisan dengan benang keyakinan.

Dari Sungai Panjang, cita-cita besar ini demi mengangkat martabat songkok Melayu untuk kembali berdiri megah di mata dunia.

ADVERTORIAL

Infrasel Rakan Penaja Emas



Mohamed Fariz (kanan) menerima plakat pengiktirafan sebagai Rakan Penaja Emas daripada Dr Johan Kamal, disaksikan oleh Tengku Amir Shah



Kakitangan Infrasel bersama Raja Muda Selangor dan Dr Johan Kamal semasa penyerahan jersi baharu Selangor FC

PETALING JAYA – Infrasel Sdn Bhd (Infrasel) memperkukuh sokongan kepada Selangor Football Club (Selangor FC) dengan menjadi Rakan Penaja Emas rasmi Selangor FC.

Majlis diadakan menjelang perlawanan kedua Liga Super antara Selangor FC dan Duli Pengiran Muda Mahkota FC (DPMM FC) dari Brunei Darussalam di Stadium MBPJ baru-baru ini.

Simbolik penyerahan plakat disempurnakan

oleh Ketua Pegawai Eksekutif Selangor FC Dr Johan Kamal Hamidon kepada Ketua Pegawai Eksekutif Infrasel Mohamed Fariz Ghazali disaksikan Raja Muda Selangor Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj merangkap Pengerusi Selangor FC.

Infrasel yakin komitmen ini bakal membawa impak positif kepada kelab dan sukan bola sepak negeri secara keseluruhan.

“Kedua entiti ini kini saling melengkapkan dan menjadi ‘household name’ di negeri Selangor,” jelas Mohamed Fariz.

Tambah beliau, sokongan padu Infrasel juga bakal menjadi pemangkin kepada usaha kelab untuk terus berkembang, meningkatkan kualiti persaingan, dan memberi impak positif yang meluas dalam industri bola sepak tempatan di Selangor.

ADVERTORIAL

KSSB anjur Program Derma Darah

SHAH ALAM - Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) melalui Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (HSE) menganjurkan Program Derma Darah KSSB di Atrium Area, pusat beli-belah SACC baru-baru ini.

Program bertema 'Setitik Darah, Sejuta Harapan' ini merupakan kolaborasi strategik bersama Pusat Darah Negara (PDN), MedKad Sdn Bhd dan pihak pengurusan pusat beli-belah SACC bagi meningkatkan simpanan darah di Pusat Darah Negara (PDN).

Ketua Jabatan HSE KSSB Nadzli Ahayalimuddin berkata program itu mendapat sambutan menggalakkan daripada kakitangan KSSB dan orang awam meskipun baru pertama kali dianjurkan.

"Kita telah menerima 90 pendaftaran daripada kakitangan KSSB dan orang awam yang ingin menderma darah. 70 daripada mereka layak menderma selepas menjalani pemeriksaan kesihatan dan sumbangan mereka telah diserahkan kepada PDN," katanya.

Selain itu jelasnya, kejayaan program ini diharap dapat menjadi platform berterusan KSSB dalam menyokong usaha kerajaan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan derma darah.

Selain derma darah, pelbagai aktiviti



◀ Kehadiran kakitangan KSSB dan pengunjung ke Program Derma Darah KSSB di Atrium Area, pusat beli-belah SACC

Petugas Kesihatan PDN menjalankan prosedur pengambilan darah



diadakan antaranya sesi perkongsian kesihatan oleh Dr Julia Ashazila dari SALAM Shah Alam Specialist Hospital dan pameran oleh Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Latar belakang SJAM

- Tarikh mula : 28 Oktober 2020
- Lokasi : Kuala Selangor dan Semenyih
- Kos: RM320 juta + RM10 juta kos tambahan (pelihara kualiti air sungai)
- Babit Fasa 1 dan Fasa 2 dengan 4 pakej (A,B,C dan D)

LRA Rantau Panjang & LRA Sungai Selangor Fasa (SSP) 1, 2 & 3

- bekal hampir 60 peratus bekalan air
- meliputi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat
- libatkan 1,292 kawasan dan 1,196,457 akaun pengguna
- babitkan hampir 4 juta penduduk



LRA Sungai Semenyih

- bekalkan air meliputi 462 kawasan merangkumi 388,690 akaun pengguna
- babitkan hampir 1 juta penduduk

Agensi pelaksana



Jaminan bekalan air



SUNGAI di Selangor yang menjadi sumber bekalan air kepada majoriti penduduk di Lembah Klang tercemar tiga kali dalam masa 24 hari sepanjang Julai 2025. Namun, kejadian itu berlalu hampir tidak disedari oleh lebih lima juta pengguna Air Selangor. Pencemaran itu tidak menyebabkan henti tugas loji rawatan air (LRA) yang lazimnya mengakibatkan terputusnya bekalan air buat sementara waktu.


Henti tugas LRA dapat dielak dan bekalan air mengalir ke rumah seperti biasa sejak Kerajaan Negeri melaksanakan Skim Jaminan Air Mentah atau SJAM yang beroperasi sepenuhnya bermula pada 13 Mei 2025. Inisiatif itu dilaksana di Kuala Selangor dan Semenyih melibatkan lima LRA iaitu masing-masing satu di Rantau Panjang dan Sungai Semenyih dan tiga di Sungai Selangor. Melalui inisiatif itu, Kerajaan Negeri memberi jaminan bekalan air berterusan biarpun berlaku pencemaran atau kemarau.

“Saya tak berani kata sehingga 100 peratus kerana mungkin boleh berlaku cabaran lain yang tidak dapat dielakkan,” kata Dato’ Menteri Selangor.

Projek infrastruktur SJAM Fasa 1 berhampiran lima LRA terbesar di Selangor ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia. Projek ini bernilai RM320 juta membabitkan pembinaan infrastruktur:

- **PAKEJ A:** sistem pam di Kolam Sistem Peningkatan Hibrid Pinggir Sungai (HORAS) 600, Bestari Jaya mampu bekalkan 3,000 juta liter sehari (JLH) air
- **PAKEJ B:** pembinaan rumah pam di Kolam Hang Tuah 5 untuk LRA Rantau Panjang, bekalkan 40 JLH air
- **PAKEJ C:** lencongan sungai dan penggepaman di LRA Sungai Selangor Fasa (SSP) 1, 2 dan 3, elak air tercemar masuk ke LRA
- **PAKEJ D:** sistem penggepaman di LRA Sungai Semenyih, bekalkan air 770 JLH air untuk LRA Sungai Semenyih

Siapnya keempat-empat projek itu sekali gus membolehkan LRA Rantau Panjang, LRA SSP 1, 2 dan 3, juga LRA Sungai Semenyih mampu terus beroperasi walaupun berlaku pencemaran air. Namun kerajaan pentadbiran Dato’ Seri Amirudin Shari tidak hanya bergantung dengan SJAM bagi memastikan kelestarian air. Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan Pelan Induk Air Negeri Selangor. Matlamatnya supaya pengurusan air secara menyeluruh dan bersepadu untuk jaminan masa depan lebih lestari. Wartawan **NADIAH ZAMLUS** menyusun maklumat berkaitan SJAM hasil temuramah bersama Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Dato’ Johary Anuar pada 31 Julai lalu.



DURIAN

'pembunuh senyap'?

Oleh NAZLI IBRAHIM

Baru-baru ini, kisah seorang artis diserang angin ahmar atau strok selepas mendakwa makan tujuh biji durian dalam sehari tular di media sosial.

Cerita tersebut pantas mengundang pelbagai reaksi masyarakat. Ada terkejut, tidak kurang juga terus percaya durian sebagai punca, malah ada mulai takut untuk menjamah raja buah itu lagi.

Namun, benarkah durian boleh menyebabkan strok? Atau ini hanya mitos yang tersebar dari mulut ke mulut?

Dek pelbagai dakwaan yang timbul, Media Selangor mendapatkan pandangan pakar kesihatan bagi merungkai kebenaran mengenainya.

Timbalan dekan akademik (Sains Kesihatan) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) menegaskan tiada bukti saintifik yang menunjukkan durian secara langsung menjadi punca strok.

Namun, Profesor Dr Barakatun Nisak Mohd Yusof mengingatkan, individu yang berisiko tinggi seperti pesakit kencing manis, darah tinggi atau obesiti, durian yang dimakan berlebihan boleh 'mencetuskan' masalah kesihatan.

Ini kerana jelasnya, durian mengandungi kandungan tenaga dan gula yang tinggi. Justeru, ia berupaya meningkatkan tekanan darah dan paras gula, malah mencetuskan gangguan ritma jantung terutama bagi pesakit buah pinggang.

"Walaupun begitu, sehingga kini tiada kajian saintifik membuktikan perkaitan langsung antara durian dan strok," jelasnya.

Beliau memaklumkan, strok berpunca daripada faktor kesihatan sedia ada seperti obesiti, hipertensi, kencing manis, kolesterol tinggi, penyakit jantung, buah pinggang kronik dan tabiat merokok.

Dalam kes tertentu, durian mungkin menjadi 'tekanan terakhir' pada tubuh yang sudah lama terdedah kepada risiko penyakit.

Jumlah selamat

Dr Barakatun Nisak menyarankan pengambilan dua hingga tiga ulas sederhana, sekitar 100 gram (g) sekali makan dan tidak setiap hari. Jumlah itu masih selamat bagi individu sihat.

Bagi pesakit kencing manis, hipertensi atau obesiti pula, cukup satu hingga dua ulas sahaja, dimakan perlahan-lahan dan

diambil dalam jumlah karbohidrat harian.

Walaupun indeks glisemik (GI) durian rendah (49-55), beban glisemiknya sederhana-tinggi kerana kandungan karbohidrat yang tinggi.

"Misalnya, makan 300g durian bersamaan lebih kurang 90g karbohidrat, cukup untuk melonjakkan paras gula dalam darah.

"Tambahan pula, durian kaya kalori (~150 kkal/100g) yang mudah menyumbang kepada lebih tenaga harian jika tidak dikawal," katanya.

Petua

Di sebalik amaran pakar, durian juga tidak terlepas daripada pelbagai petua tradisional. Salah satunya, minum air daripada pangsa untuk 'menyejukkan badan'.

Pakar Neurologi UPM Profesor Madya Dr Wan Aliaa Wan Sulaiman tidak menolak keberkesanan amalan tersebut.

Beliau mendedahkan kajian awal mendapati bahagian putih pangsa durian mengandungi bahan antiradang dan antioksidan yang mungkin membantu mengurangkan rasa panas badan serta tidak selesa perut.

Namun, beliau menegaskan kajian lebih mendalam masih diperlukan sebelum ia boleh dijadikan bukti saintifik.

"Fakta yang (ada) mungkin benar tapi kajian mendalam masih diperlukan lagi untuk bukti perubatan," katanya.

Pada masa sama, Dr Wan Aliaa mengingatkan orang ramai supaya mengelakkan kombinasi durian dengan minuman berkarbonat, kopi, alkohol atau makanan tinggi lemak.

Campuran itu boleh meningkatkan risiko tekanan darah tinggi, gangguan jantung, gastrik atau dehidrasi, terutama bagi pesakit kronik.

Tidak dinafikan rasa manis dan lemak daripada durian memberi keenakan yang tiada tandingan.

Ingatlah pesan pakar, makanlah durian secara sederhana kerana setiap nikmat juga datang dengan tanggungjawab menjaga kesihatan.

Orang ramai diingatkan supaya mengelakkan kombinasi durian dengan minuman berkarbonat, kopi, alkohol atau makanan tinggi lemak



365 hari lawan jenayah di Kajang

Oleh FITRI HAZIM HAZAM
Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Kawal menyeluruh termasuk penglibatan komuniti mampu mengurangkan kes jenayah daripada berleluasa, khususnya di kawasan berkepadatan tinggi seperti Kajang.

Ini selaras kenyataan bekas Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan, Julai lalu, bahawa libat urus bersama komuniti berjaya mencetuskan dampak ketara terhadap keselamatan awam.

Di Sungai Kantan, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) giat menjalankan rondaan 365 hari setahun, bagi mencegah kes jenayah di kawasan tersebut.

Ditubuhkan sejak 1984, KRT yang dianggotai lebih 100 penduduk pelbagai latar belakang menjalankan pemantauan sukarela tanpa elaun khas demi keselamatan masyarakat setempat.

Empat hingga 12 anggota meronda setiap hari menggunakan motosikal dan kereta dalam kawasan seluas 9,000 hektar. Setiap seorang dibekalkan lampu suluh, cota, seragam dan kad kuasa.

"Kita juga menjalankan operasi sekatan jalan selepas 12 malam dengan meletakkan kon dan memerhati kenderaan atau individu yang mencurigakan sebagai pencegahan," kata Raja Amir Raja Aman.

Kerjasama dengan polis

Pengerusi KRT itu memberitahu kebanyakan kes jenayah melibatkan cubaan pecah rumah dan ragut, termasuk samun hingga membakar rumah.

Bimbang keadaan itu berterusan, penduduk setempat turut mengukuhkan kerjasama dengan Ibu Pejabat Daerah (IPD) Kajang untuk melakukan rondaan bersama pada setiap bulan.

"Kajang kawasan yang luas selain jurang nisbah penduduk dengan polis besar, justeru kami bersama Jabatan Perpaduan Daerah Hulu Langat membantu pihak berkuasa menanganinya," jelasnya kepada Media Selangor.

Raja Amir menambah kewangan antara cabaran dalam melaksanakan tindakan tersebut, namun tidak pernah melunturkan semangat pasukan untuk terus berbakti memelihara keselamatan penduduk.

Kempen '1 Keluarga 1 Anggota SRS'

Penolong pegawai daerah Hulu Langat memaklumkan kempen '1 Keluarga 1 Anggota SRS' menggalakkan setiap keluarga menghantar seorang wakil untuk menyertai pasukan peronda berkenaan.

Menurut Ahmad Rizal Abdul Razak, setiap anggota mestilah warganegara berusia 18 tahun ke atas, yang akan diberikan latihan khusus bagi mengukuhkan kemahiran rondaan.

"Kami menggalakkan orang ramai menyertai



Kita juga menjalankan operasi sekatan jalan selepas 12 malam dengan meletakkan kon dan memerhati kenderaan atau individu yang mencurigakan sebagai pencegahan



SRS melalui (hebahan) di Facebook dan TikTok termasuk kempen dalam Sambutan Minggu Perpaduan di Pandamaran, Klang pada 22 hingga 24 Ogos," katanya.

Pada masa sama, Timbalan Pengerusi KRT Datuk Ahmad Shamsuddin Ramli berharap lebih ramai anak muda terlibat dalam KRT untuk memastikan kelangsungan dan keberkesanan kumpulan peronda tersebut.

"Kami juga mahu pupuk kerjasama erat dengan KRT zon lain untuk bertukar cadangan bagi mengukuhkan KRT sedia ada dalam usaha membanteras jenayah serta memelihara hubungan komuniti," ujarnya lagi.



Afdal solat tarawih berjemaah



Bicara Agama

Antara perkara yang dinisbahkan kepada Umar al-Khattab ialah menghimpunkan orang ramai untuk menunaikan solat tarawih secara berjemaah pada bulan Ramadan.

Telah sabit bahawa solat malam (qiyam) pada Ramadan pernah dilakukan oleh nabi. Baginda pernah solat berjemaah bersama para sahabatnya. Namun, Baginda meninggalkannya kerana bimbang ia akan diwajibkan ke atas mereka.

Orang ramai telah menunaikan solat tersebut secara bersendirian pada zaman Rasulullah, zaman Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan permulaan pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab. Maka pada suatu malam, Umar keluar lalu melihat orang ramai solat secara berkelompok di masjid.

Lalu beliau berkata: "Alangkah baiknya jika aku himpunkan mereka di belakang seorang imam." Maka beliau memerintahkan Ubay bin Ka'b agar mengimami mereka. Kemudian, Umar keluar pada malam yang lain dan melihat mereka berhimpun di belakang Ubay bin Ka'b, lalu beliau gembira dengan keadaan itu.

Umar juga dinisbahkan dengan penambahan bilangan rakaat solat sunat pada bulan Ramadan atau selainnya daripada sebelas rakaat kepada dua puluh rakaat atau lebih. Namun, perkara ini sesuatu yang tidak ada kesepakatan.

Dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim - Aisyah memberitahu Rasulullah keluar pada pertengahan malam lalu menunaikan solat di masjid. Maka, beberapa orang lelaki pun solat bersama Baginda.

Keesokan paginya, orang ramai mula memperkatakan hal itu. Pada malam kedua, lebih ramai orang berhimpun. Rasulullah keluar lagi dan mereka pun solat bersama Baginda.

Keesokannya, orang ramai kembali menyebut peristiwa itu, menyebabkan lebih ramai hadir ke masjid pada malam ketiga. Rasulullah keluar dan mereka solat bersama-sama Baginda. Tiba malam keempat, masjid tidak dapat menampung bilangan yang hadir. Namun, Rasulullah tidak keluar hinggalah tiba waktu solat Subuh.

Selesai solat Subuh, Baginda berpaling kepada para jemaah, bertahmid dan bersyahadah, kemudian bersabda: "Amma ba'du, sesungguhnya

tidak tersembunyi bagiku apa yang berlaku pada malam tadi tetapi aku bimbang solat malam itu akan difardu ke atas kamu lalu kamu tidak mampu melaksanakannya."

Dalam satu riwayat Muslim dinyatakan: "Peristiwa itu berlaku dalam bulan Ramadan." Dalam riwayat al-Bukhari pula disebut: "Lalu Rasulullah wafat dalam keadaan perkara itu kekal sebagaimana sedia ada (yakni solat malam bersendirian atau berjemaah secara tidak tetap)."

Al-Bukhari meriwayatkan 'Abdur Rahman bin 'Abdul Qari' berkata: "Aku keluar bersama-sama Umar al-Khattab pada suatu malam dalam bulan Ramadan menuju ke masjid. Kami dapati orang ramai berkelompok dalam keadaan berpecah; ada lelaki solat bersendirian, ada juga lelaki yang diikuti beberapa orang lain yang solat bersama-samanya."

Maka Umar berkata: "Sesungguhnya aku berpandangan sekiranya aku himpunkan mereka di belakang seorang qari (imam) sahaja, tentu ia lebih baik dan lebih teratur." Lalu, beliau bertekad dan menghimpunkan mereka di belakang Ubay bin Ka'b.

Perbezaan bawa perpecahan

Kemudian aku keluar bersama-samanya pada malam lain. Orang ramai ketika itu sedang solat berjemaah mengikuti bacaan imam. Umar pun berkata: "Sebaik-baik bidaah inilah. Namun yang mereka tinggalkan itu (yakni solat pada akhir malam) lebih baik daripada yang mereka laksanakan sekarang (solat pada awal malam)." Baginda berkata demikian kerana orang ramai ketika itu mendirikan solat pada awal malam.

Al-Hafiz Ibn Hajar dalam Fath al-Bari berkata: "Bid'ah pada asalnya merujuk kepada sesuatu yang diada-adakan tanpa contoh sebelumnya. Dalam istilah syarak, ia digunakan sebagai lawan kepada sunnah, maka ia dianggap tercela. Namun, setelah diteliti, jika perkara itu termasuk dalam sesuatu yang dianggap baik oleh syarak, maka ia adalah bid'ah hasanah (baik).

"Dan jika ia termasuk dalam perkara yang dianggap buruk oleh syarak, maka ia adalah bid'ah buruk. Jika tidak termasuk dalam kedua-duanya, maka ia tergolong dalam kategori harus (mubah). Bahkan, bid'ah terbahagi kepada lima hukum: wajib, sunat, harus, makruh dan haram."

Imam Malik pula meriwayatkan dalam al-Muwatta' daripada Yazid bin Ruman, katanya: "Pada zaman Umar, orang ramai menunaikan solat malam Ramadan sebanyak dua puluh tiga rakaat."



Bid'ah pada asalnya merujuk kepada sesuatu yang diada-adakan tanpa contoh sebelumnya. Dalam istilah syarak, ia digunakan sebagai lawan kepada sunnah, maka ia dianggap tercela. Namun, setelah diteliti, jika perkara itu termasuk dalam sesuatu yang dianggap baik oleh syarak, maka ia adalah bid'ah hasanah (baik)

Al-Bukhari dan selainnya meriwayatkan Aisyah berkata: "Rasulullah tidak pernah menambah bilangan rakaat pada bulan Ramadan mahupun selainnya melebihi sebelas rakaat. Baginda solat empat rakaat — maka jangan ditanya tentang keelokan dan panjangnya bacaan dan rukuknya — kemudian Baginda solat lagi empat rakaat, juga jangan ditanya tentang keelokan dan panjangnya, kemudian Baginda solat tiga rakaat."

Umar menyimpulkan daripada perbuatan nabi yang membenarkan orang ramai bersolat bersama-samanya selama tiga malam, bahawa solat tarawih berjemaah itu sesuatu yang disyariat. Nabi hanya tidak meneruskannya kerana bimbang ia akan difardukan ke atas umatnya.

Apabila nabi wafat, hilanglah kebimbangan itu. Umar pula melihat solat berjemaah lebih utama kerana perbezaan cara dalam kalangan umat boleh membawa kepada perpecahan dan berjemaah di belakang seorang imam lebih menguatkan semangat kebanyakan jemaah.

Pandangan Umar diikuti majoriti ulama. Namun ada riwayat daripada Imam Malik, juga pendapat Abu Yusuf dan sebahagian ulama Syafi'iyah bahawa solat tarawih di rumah lebih utama berdasarkan hadis umum nabi yang diriwayatkan oleh Muslim: "Sebaik-baik solat seseorang adalah di rumahnya kecuali solat yang fardu."





MAJU... Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim (tiga kiri) bersama Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Fadillah Yusof (dua kiri) dan EXCO Infrastruktur dan Pertanian Dato' Ir Izham Hashim (empat kiri) meneliti pelan Loji Rawatan Air Langat 2 pada 20 Ogos. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Pertimbang RM100 untuk mahasiswa

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sedia mempertimbangkan pemberian bantuan tambahan RM100 sekali beri kepada mahasiswa bagi membantu menangani cabaran kos sara hidup.

Menjelaskan bantuan RM100 dihulur kepada semua rakyat berusia 18 tahun ke atas termasuk pelajar, beliau berkata hal itu akan diberi perhatian dalam Belanjawan 2026 pada Oktober.

"Saya akan beri pertimbangan yang wajar untuk belanjawan Oktober ini," katanya mengulas cadangan wakil pelajar Universiti Multimedia dalam sesi Temu Anwar pada 18 Ogos.

Mengenai kos sara hidup, beliau menegaskan harga barang asas seperti minyak masak, ayam, telur dan gula di Malaysia kekal antara yang terendah di rantau ini.

"Saya masih runding tentang isu kemiskinan tegar, kemiskinan rakyat serta beban yang mereka tanggung. Itu memang perkara yang mesti kita tangani sebaik mungkin.

"Tetapi percayalah, bila kita naik gaji baru-baru ini, gaji menteri, gaji timbalan menteri dan Ahli Parlimen, tidak kita naikkan," katanya yang juga menteri kewangan.

Pihak berkuasa perlu tegas

Jangan politik kes korban buli

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan semua pihak supaya tidak sesekali menjadikan mana-mana kematian mangsa buli sebagai senjata politik.

Beliau menegaskan perbuatan memeralat kematian sedemikian untuk penipuan dan hasutan meracuni pemikiran jutaan orang sebagai perbuatan yang tidak boleh diterima sama sekali, lapor Bernama.

"Orang itu (Zara Qairina Mahathir) dah terkorban, kemudian kita jadikan ini senjata politik untuk menikam orang lain. Kalau benar tak apa, mana boleh kita mainkan (isu ini)," katanya.

Anwar berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya pada 18 Ogos.

Dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-20 di Putrajaya pada 15 Ogos pula, beliau menegaskan sikap melampau, ketelanjangan, keangkuhan dan kebiadaban wajib dihenti.

Beliau memberitahu badan penguat kuasa perlu mengambil tindakan tegas terhadap sebarang ancaman yang menggugat negara termasuk melibatkan isu buli, jenayah ugutan dan keganasan.

"Sikap buli, sikap merendahkan darjat orang berdasarkan kaum atau

keturunan atau warna kulit atau apa sahaja. Hal ini, mesti dan wajib dihentikan dengan seluruh kekuatan.

"Tindakan tegas mesti dan wajib diambil... kalau ada rakan-rakan yang mempunyai amanah, tidak bersedia, beritahu saya... kita tukar mereka dan ambil orang yang berprinsip tegas," katanya.

Anwar juga kesal berikutan kes kematian Zara Qairina dan isu Jalur Gemilang baru-baru ini dimainkan pihak tertentu untuk menghangatkan suhu politik.

"Ini bukan saingan popular... bukan saingan siapa yang lebih popular... siapa yang sanggup menarik minat rakyat... ini soal menyelamatkan negara.

"...kita ada pengalaman bibit-bibit perpecahan dan tragedi rusuhan kaum... mulanya kecil, kali ini mungkin bendera, dulu mungkin siaran dan berita-berita palsu... jangan diizinkan," katanya.

Meminta semua pihak memberi ruang kepada penguat kuasa membuat siasatan berlandaskan fakta, beliau menegaskan keselamatan rakyat tanpa mengira kaum atau agama diutamakan.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Nor Azizah Mohamad memaklumkan lima remaja yang dihadapkan ke mahkamah di Kota Kinabalu, Sabah mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menggunakan perkataan mencela terhadap arwah Zara Qairina.

Khas Untuk Bumiputera

UNIT TERHAD

<p>Loop Residences</p> <p>Harga daripada : RM 330,000*</p>	<p>Keys, Lakeside Residences</p> <p>Harga daripada : RM 2,700,000*</p>
<p>Kedai Pejabat 2 tingkat Saujana Utama</p> <p>Harga daripada : RM 1,424,500*</p>	<p>Kedai Pejabat 2 tingkat Lakeside Boulevard 2</p> <p>Harga daripada : RM 1,875,000*</p>

03-2727 7552

Ibu Pejabat Glomac:
Tingkat 1, Menara Glomac, Glomac Damansara, Jalan Damansara, 60000 Kuala Lumpur
Isnin - Jumaat: 9pagi - 6petang | Sabtu & Ahad: 10pagi - 6petang

Glomac Berhad | glomac_berhad | Glomac Berhad | www.glomac.com.my

*Tertakluk terma & syarat

Pemaju: Glomac Al Baita Sdn Bhd (743975-X) | Alamat Pemaju: Level 16, Menara Glomac Damansara, Jln Damansara, 60000 Kuala Lumpur | No. Lesen: 30557/09-2028/0234/N | Tempoh Sah: 07/09/2023 hingga 07/09/2028 | No. Permit Iklan & Jualan: 30565-1/12-2026/1300 (N/15) | Tempoh Sah: 07/12/2023 - 07/12/2026 | Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Subang Jaya | No. Rajukan Pelan Bangunan: MBSU/BAJ/BA/4000-170/5/4/2021 | [Bekalan Tanah: Diagantikan kepada Maybank Islamic Berhad] | No. Muka Tanah: Papan 99 Tahun | Tarikh Habis Tempoh: 23 Mac 2171 | Seksyen Tanah: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadaikan melainkan setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa tempatan | Jumlah Unit: 980 unit (SOHO: 872 unit, Pengasap/Perkhidmatan Perumahan: 170 unit, SOHO Mampu Milik: 118 unit, Pengasap/Perkhidmatan Perumahan Klamat: 10 unit) | Tarikh Jangka Stop: Januari 2028 | Harga Jualan: SOHO: RM300,000 (min) - RM 371,828 (maks), Pengasap/Perkhidmatan Perumahan: RM268,268 (min) - RM462,377 (maks), SOHO Mampu Milik: RM220,000 (min) - RM270,000 (maks) | [Bekalan Air: 17%] | [Tempoh: Glomac, Al Baita Sdn Bhd (4226342-H), Btp. projek: Area 16, Menara Glomac, Glomac Damansara, Jln Damansara 60000 Kuala Lumpur, Putrajaya, Jualan: Lakeside Residences Sales & After, Jln Perindustrian Puchong, Bandar Metro Puchong 47000 Puchong, Selangor, Tel: 03-2727 7552, No. Lesen: 9903/02-2026/1292/R, Tempoh sah: 14/02/2026 hingga 13/02/2028, No. Permit Iklan & Jualan: 9903-10/03-2026/0243/N/L-L, Tempoh sah: 14/03/2024 hingga 13/03/2028, Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Subang Jaya, No. Rajukan Pelan Bangunan: MBSU/BAJ/BA/4000-172/5/2/2021, Bekalan Tanah: Tanah, No. Muka: Papan 99 tahun (01/04/2017), Seksyen Tanah: Tanah ini tidak boleh dipajak, digadai atau dipindahmilik melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri, Jumlah unit: 42 unit Rumah Berkembar 2 Tingkat, Tarikh: Jangka siap: April 2027, Harga Jualan: RM2,200,000 (min) RM2,950,000 (maks), Bumiputera diskaunkan: 7%.

Turap jalan siap awal September

SHAH ALAM - Kemajuan kerja Projek Turapan Mega yang bermula April lalu kini mencapai 75 peratus dan dijangka selesai sepenuhnya awal September ini.

EXCO Infrastruktur Dato' Ir Izham Hashim berkata jumlah berkenaan merangkumi turapan di 81 lokasi membabitkan jalan sepanjang kira-kira 25 kilometer.

"Secara keseluruhan 125 kerja menurun dikenal pasti untuk tahun ini membabitkan RM50 juta. Setakat ini jumlah pelaksanaan berjumlah RM33 juta.

"Dijangka semua kerja turapan ini akan selesai hujung bulan ini atau awal September depan. Ini melibatkan jalan milik Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, pihak berkuasa tempatan serta pejabat daerah dan tanah," katanya.

Ir Izham berkata projek menggunakan jentera Jetpatcher dari United Kingdom itu akan mempercepat proses turapan tiga kali ganda selain mengurangkan tenaga kerja.

Kerajaan Negeri memperuntuk RM50 juta tahun ini bagi melaksana projek berkenaan yang dikendalikan Infrasel Sdn Bhd (Infrasel) selaku syarikat penyelenggara jalan negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan projek itu diteruskan demi keselamatan serta keselesaan pengguna.

Selesai salur bantuan sewa fasa dua

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) selesai menyalur bantuan sewa rumah sementara fasa dua berjumlah RM864,000 kepada mangsa insiden letupan paip gas di Putra Heights.

EXCO Perumahan Dato' Borhan Aman Shah berkata bayaran meliputi tempoh Julai hingga September itu dikreditkan kepada 144 ketua isi rumah (KIR) pada 6 Ogos.

"Penentuan senarai penerima dibuat selepas proses semakan semula data oleh Unit Pengurusan Bencana Petaling bersama Jawatankuasa Kecil Penyedia Data Mangsa dan wakil komuniti setempat.

"Ia mengambil kira beberapa faktor

seperti rumah yang telah siap dibai-ki, mangsa yang merupakan penyewa dan telah berpindah, atau yang tidak lagi memerlukan bantuan sewa sementara," katanya dalam kenyataan pada 15 Ogos.

Beliau menjelaskan bantuan berkenaan sebahagian komitmen Kerajaan Negeri bagi memastikan kebajikan mangsa terpelihara sementara mereka mengurus penempatan semula atau pembaikan rumah.

"Pelaksanaan bantuan sewa ini diharapkan dapat memberi kelegaan sementara dan membolehkan mereka menumpukan perhatian kepada pemuliharaan kehidupan harian.



"Bagi mangsa yang masih belum hadir ke Pejabat Daerah dan Tanah Petaling untuk membuat tuntutan semula bantuan sewa, mereka digesa untuk hadir segera bagi membolehkan semakan semula kelayakan dibuat dan bantuan disalurkan sekiranya layak," katanya.

Borhan memaklumkan 365 KIR menerima bantuan sewa fasa pertama berjumlah RM2.19 juta bagi tempoh April hingga Jun sementara 78 KIR tidak memerlukan bantuan atas sebab tertentu.

Insiden kebakaran besar pada pagi 1 April lalu meninggalkan kesan ketara dengan pembentukan kawah sedalam 32 kaki melibatkan keluasan kira-kira 70x80 kaki. Selain mengakibatkan api menjulang tinggi, kebakaran itu menghasilkan bahang panas yang memusnahkan deretan kediaman dan harta benda.

Sita lori, jentera berat

Banteras operasi tapak sisa haram

KUALA SELANGOR - Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Selangor menyerbu kawasan tanah seluas kira-kira 100 ekar milik persendirian di Kampung Seri Sentosa, Ijok, di sini, yang dipercayai menjadi tapak pelupusan sampah haram sejak lebih sembilan tahun lalu.

Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaannya Muhammad Nadzirul Hafizi M Daud berkata operasi itu bagi menyelesaikan isu tapak sampah haram yang dilihat semakin serius.

"Kalau ikutkan isu ini sudah diperingkat yang agak membimbangkan, jadi kita ambil tindakan yang sewajarnya terhadap aktiviti yang mendatangkan kacau ganggu kepada orang awam.

"Kerajaan Negeri dan agensi pelaksana memandang serius perkara ini. Pada masa hadapan kita akan cuba pastikan isu sampah haram terutamanya di kawasan ini dapat diselesaikan dengan lebih tuntas," katanya selepas operasi pada 14 Ogos.

Serban dilakukan selepas pelbagai notis dan kompaun dikeluarkan kepada pemilik tanah sejak beberapa tahun lalu malah Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin juga turun padang ke kawasan tersebut pada Mac lalu, bagi merangka pelan penyelesaian menyeluruh.

Dalam operasi berkenaan sebuah lori satu tan milik syarikat operator sampah dan empat jentera

berat bernilai lebih RM200,000 yang dipercayai digunakan bagi mengurus kawasan longgokan sampah disita pihak berkuasa.

Muhammad Nadzirul Hafizi berkata pihaknya berdepan kesukaran berikutan pemilik tapak sampah haram sengaja melakukan sabotaj terhadap jentera yang diletakkan di lokasi, bagaimanapun perkara itu berjaya diatasi.

"Kami mendapat halangan apabila jentera ini disabotaj pemilik. Kebanyakan jentera ini dilucutkan rantai, dicabut bateri dan minyak dibuang keluar sehingga menyebabkan mesin tersebut tidak dapat berfungsi.

"Bagaimanapun dengan kekuatan dan kemahiran kita, kita dapat selesaikan kekangan tersebut. Cuma tentangan daripada orang awam itu adalah perkara biasa," katanya.

Penduduk, Misliza Misran, 47, berkata keluarganya berdepan ancaman haiwan berbisa seperti ular dan anjing liar akibat longgokan sampah haram yang tidak terurus.

"Sampai bila kita mahu hidup begini. Bau setiap hari terutamanya ketika hujan. Lalat pun banyak. Saya harap kalau boleh hentikanlah. Kasihan kepada kami, memang tidak selesa," katanya 12 tahun tinggal di kawasan itu.

Sementara itu, Majlis Perbandaran Kuala Selangor memaklumkan sebanyak 313 kompaun dikeluarkan bagi menangani isu tapak sampah haram dan penambakan tanah secara tidak sah di Kampung Sri Sentosa dan Kampung Sri Aman, Ijok sejak 2016.



INFRASEL SDN BHD

PENGUMUMAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR

- INFRASEL SDN BHD (ISB)** ingin mempelawa kepada semua kontraktor tempatan di Negeri Selangor (**Gred G2 sehingga G5**) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk berdaftar sebagai kontraktor bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan dan Pembinaan Jalan khusus bagi skop kerja penyelenggaraan dan pembaikan pavemen, longkang, bahu jalan, cerun serta lanskap. Hanya **kontraktor yang berdaftar** dengan ISB dan **berpengalaman SAHAJA**, LAYAK untuk dipertimbangkan mendapat tawaran kerja yang berkenaan di masa akan datang.
- Pendaftaran kontraktor adalah seperti berikut:
TARIKH MULA PENDAFTARAN : 22.8.2025 JAM 8.00 PG
TARIKH TUTUP PENDAFTARAN : 27.8.2025 JAM 5 PETANG
Pendaftaran kontraktor hendaklah dibuat secara dalam talian di laman sesawang berikut : <https://infrasel.com.my/web/>
- Sila muat naik (upload) dokumen-dokumen berikut** semasa pendaftaran atas talian di buat:
i)SSM;
ii)Perakuan Pendaftaran Kontraktor oleh CIDB;
iii)Profail Syarikat berserta Pegawai Bertanggungjawab;
iv)Pengalaman Syarikat;
v)Penyata Kewangan Terkini (3 bulan terakhir).
- Semua kontraktor juga **diwajibkan supaya menamakan Nama Syarikat pada setiap dokumen** yang dimuat naik (upload).



SOKONG... Pengerusi Piala Sultan Selangor (TSSC) Tan Sri Abd Karim Munisar (tengah) bersama warga kerja Majlis Bandaraya Shah Alam dalam siri jelajah publisiti Tiket TSSC 2025 di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam pada 19 Ogos. Turut hadir Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Safriah Md Azhar. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Jumlah yang menang masih rendah

Cadang kerusi khas wanita

Oleh DEWI ABDUL RAHMAN

SHAH ALAM - Kerusi khas wanita atau Top-Up Women-Only Additional Seats (TWOAS) boleh diperkenalkan mengikut model di Pulau Pinang jika kuota sasaran 30 peratus tidak dapat dipenuhi melalui pencalonan parti politik.

EXCO Pembangunan Wanita Anfaal Saari berkata hanya sembilan daripada 56 kerusi Dewan Negeri Selangor diisi wanita dan ia belum mencapai sasaran yang diharapkan.

"Bagi saya, usul ini dibawa untuk kita bahaskan sama ada ia boleh dilaksanakan, dan adakah dengan menambah suara wanita, bukan sekadar pada jumlah kerusi tetapi pada kualiti penyertaan relevan serta sesuai untuk mengangkat demokrasi.

"Jika sasaran 30 peratus penyertaan wanita tidak dapat dicapai melalui pencalonan parti politik, mekanisme kerusi tambahan diperlukan supaya suara wanita, keluarga dan kanak-kanak tetap dibawa ke Dewan Negeri," katanya dalam majlis penutup Sidang Wanita Selangor (Siwanis) 2025 pada 12 Ogos.

Beliau menjelaskan jumlah calon wanita yang diletakkan parti politik ma-

sih rendah tambahan hanya sebahagian kecil menang menyebabkan peluang wanita untuk menduduki kerusi Dewan Negeri dan mewakili rakyat masih rendah.

"Isunya ialah parti-parti politik yang bertanding meletakkan calon wanita, dan sekiranya daripada 10 kerusi yang ditandingi parti A hanya tiga calon wanita diletakkan, tetapi yang menang hanya seorang, ia mengurangkan lagi peluang untuk mewakili suara dalam Dewan Negeri.



"Sebab itu kita lihat ia bukan sahaja pindaan peraturan parti, tetapi juga kesungguhan politik," jelasnya.

Menurut Anfaal, cadangan itu boleh dilaksanakan dua cara, iaitu komitmen parti meletakkan calon wanita di kerusi strategik atau pindaan undang-undang negeri.

Perwakilan Siwanis mencadangkan kompaun maksimum RM200 sehingga RM500 dikenakan terhadap pemandu lelaki yang meletakkan kenderaan di petak khas wanita, melalui sistem automatik.

Too Chun Yoke yang berperanan sebagai EXCO kerajaan tempatan berkata cadangan itu bagi memberi mesej tegas terhadap salah guna petak parkir yang disediakan khusus bagi melindungi pemandu wanita bersendirian.

Hampir 15,000 tiket TSSC terjual

SHAH ALAM - Kira-kira 20,000 peminat sukan bola sepak tanah air dijangka membanjiri Stadium Merdeka, Kuala Lumpur bagi menyaksikan perlawanan Piala Sultan Selangor (TSSC) pada 27 September depan.

Pengerusinya Tan Sri Abd Karim Munisar berkata beliau menjangkakan kejohanan merebut piala berprestij itu mendapat sambutan menggalakkan memandangkan sehingga kini sudah 75 peratus tiket terjual.

"Hanya berbaki 400 tiket lagi, siapa lambat pasti tidak dapat. Jadi, cepat-cepat ambil peluang. Sekarang, kita masih menerima tempahan tiket TSSC 2025... kapasiti di Stadium Merdeka adalah sekitar 20,000.

"Stadium Merdeka adalah warisan negara yang melakarkan banyak sejarah, ini kali kedua kejohanan TSSC diadakan di sana dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

"Saya nasihatkan cepat-cepat beli tiket sebelum kehabisan. Kepada semua yang akan hadir kami galakkan agar menggunakan pengangkutan awam berdekatan stadium yang strategik itu," katanya.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Safriah Md Azhar berbesar hati apabila Majlis Bandaraya Shah Alam dipilih sebagai salah satu lokasi siri jelajah publisiti TSSC 2025.

GAMUDA LAND

twentyfive7
KOTA KEMUNING

RUMAH TERES BERHADAPAN DENGAN TASIK

7%

Diskaun untuk Bumiputera*

LEVANE RESIDENCES

RUMAH TERES 2 TINGKAT

LUXURA DESIGNER COURTYARD & LINK VILLAS

RUMAH TERES 2 TINGKAT




Sincere Original

Gamuda Land (Kemuning) Sdn Bhd
25, Jalan Kemuning 1/1, 40400 Kemuning, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

FABC WORLD PRIX OF EXCELLENCE AWARDS

THE EDGE

AWARD FOR BEST PROJECT 2023

gamuland.com.my
03 2787 7949

*Pemaju: GAMUDA LAND (KEMUNING) SDN, BHD, (598122-P) • twentyfive7 Experience Gallery, Lot 43495, Persiaran Cleander, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor Darul Ehsan, • Tel: 03-5131 6257 • Faks: 03-5131 9257
 • Luxura Designer Courtyard & Link Villas • No. Lesen Pemaju: 19085/07-2027/0599(P) • Tempoh Sah: 19/07/2022 - 18/07/2027 • No. Permit Pengiklanan: 19085-4/02-2026/0121(N)-S) • Tempoh Sah: 13/02/2023 - 12/02/2026
 • Tarikh Jajangan Siap: Februari 2025 • Pajangan Tanah: Pajakan Sementara (99 Tahun) - Luput pada 19 April 2116) • Bebanan Tanah: Cagar kepada Public Bank Berhad • Pihak yang Melakukan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Kuala Langkat • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPKL/JKB/6/4/43/2022 • Jenis Rumah: Rumah Teres 2 Tingkat • Jumlah Unit - Jenis A: 26 unit • Jenis B: 27 unit • Jenis C: 39 unit • Jenis D: 64 unit • Harga Jualan - Jenis A: RM1,951,800 (min.) - RM2,913,800 (maks.) • Jenis B: RM1,833,800 (min.) - RM2,710,800 (maks.) • Jenis C: RM1,972,800 (min.) - RM2,471,800 (maks.) • Jenis D: RM1,551,800 (min.) - RM2,447,800 (maks.) • Diskaun Bumiputera: 7% • Luxura Residences • No. Lesen Pemaju: 19085/07-2027/0599(P) • Tempoh Sah: 19/07/2022 - 18/07/2027 • No. Permit Pengiklanan: 19085-4/02-2026/0688(A)-S) • Tempoh Sah: 28/07/2023 - 27/07/2028 • Tarikh Jajangan Siap: Julai 2025 • Pajangan Tanah: Pajakan Sementara (99 Tahun) - Luput pada 30 Julai 2122) • Bebanan Tanah: Cagar kepada Public Bank Berhad • Pihak yang Melakukan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Kuala Langkat • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPKL/JKB/6/4/48/2022(20) • Jenis Rumah: Rumah Teres 2 Tingkat • Jumlah Unit Fasa 3B-1 - Jenis A: 33 unit • Jenis B: 35 unit • Jenis C: 120 unit • Jenis D: 120 unit • Jenis D3/D3M: 4 unit • Harga Jualan Fasa 3B-1 - Jenis A: RM1,959,800 (min.) - RM1,850,800 (maks.) • Jenis B: RM1,329,800 (min.) - RM1,850,800 (maks.) • Jenis C: RM1,919,800 (min.) - RM2,019,800 (maks.) • Jenis D: RM1,580,800 (min.) - RM2,019,800 (maks.) • Harga Jualan Fasa 3B-2 - Jenis A: RM1,316,800 (min.) - RM1,821,800 (maks.) • Jenis B: RM1,344,800 (min.) - RM1,919,800 (maks.) • Jenis C: RM1,437,800 (min.) - RM2,061,800 (maks.) • Jenis D: RM1,035,800 (min.) - RM2,065,800 (maks.) • Jenis D3/D3M: RM2,527,800 (min.) - RM2,709,800 (maks.) • Diskaun Bumiputera: 7% • Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digada melangka dengan kebenaran pihak Berkuasa Negeri, ILMAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUBAHAN NEGARA. *Tertakluk pada terma dan syarat.

Al-Quran tunjang
bina modal insan

2

Tulang boleh jadi
bukti forensik

2

Banteras operasi tapak
sampah haram

14

Cari pemaju siapkan
projek pangsapuri

2

Tiket Piala Sultan
Selangor laris

15

selangorkini

Stadium Malawati diroboh sejak 1 Ogos

SHAH ALAM - Kerja perobohan Stadium Malawati di sini yang menjadi sebahagian projek pembangunan semula Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) telah bermula sejak 1 Ogos.

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dalam kenyataan memaklumkan proses berkenaan dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun hadapan sebelum pembinaan semula kemudahan sukan moden itu diteruskan.

"Proses ini dijangka siap sepenuhnya pada awal 2026 tertakluk kepada keadaan cuaca serta kelancaran operasi di tapak.

"Pihak kontraktor pelaksana telah diarahkan untuk mematuhi sepenuhnya prosedur keselamatan, kawalan habuk dan pengurusan bunyi bising bagi memastikan kesejahteraan komuniti setempat sentiasa terpelihara."

Pembangunan semula KSSA dilaksanakan dalam tiga fasa sehingga 2029, bermula dengan perobohan Stadium Shah Alam.

Angkat Selangor hab kreatif

SHAH ALAM - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) memeterai perjanjian kerjasama menyeluruh dengan South China Publishing Group sempena Pesta Buku Antarabangsa China Selatan 2025 di Guangzhou.

Perjanjian ditandatangani Pengarah PPAS Datin Paduka Mastura Muhammad bersama Pengarah Jabatan Antarabangsa South China Publishing Group Chen Bin meliputi empat aspek iaitu program penerbitan dua hala, inisiatif terjemahan, penerbitan bersama bahan khas serta platform perkongsian ilmu.

Mastura berkata usaha tersebut menjadi jambatan kekal antara komuniti kreatif kedua-dua negara selain menyokong pertumbuhan ekonomi kreatif Malaysia.

"Kerjasama ini bukan sekadar hak terjemahan atau saluran edaran, tetapi membuka ruang kepada paradigma baharu dalam pertukaran budaya," katanya dalam kenyataan pada 16 Ogos.



SEDIA... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tengah) bersama pemimpin kanan negeri melancarkan Maskot Sukan Malaysia (SUKMA) XXII dan Para SUKMA Selangor 2026 di Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor, Shah Alam pada 15 Ogos. Foto FIKRI YUSOF ► RENCANA MUKA 5

Selangor FC sedia persiapan pemain

SUKMA: Sasar emas bola sepak, futsal

Oleh **DEWI ABDUL RAHMAN**

SHAH ALAM - Selangor menyasarkan emas dalam acara bola sepak wanita serta futsal lelaki dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2026.

Ketua Pegawai Eksekutif Selangor FC Dr Johan Kamal Hamidon berkata latihan intensif dimulakan tahun lalu dengan komitmen dua tahun untuk memastikan atlet negeri menampilkan prestasi terbaik.

"Kami sebagai pasukan yang

akan mempersiapkan kontinjen bola sepak lelaki, wanita dan futsal, kita di Selangor FC sudah mulakan perancangan dan persiapan, latihan fizikal, pengambilan atlet baru serta mengasah bakat sejak tahun lepas.

"SUKMA 2024 menyaksikan Selangor menjuarai bola sepak wanita dan futsal lelaki. Tahun depan, pasukan negeri selaku tuan rumah berhasrat mengekalkan kejayaan tersebut serta memenangi bola sepak lelaki dan futsal wanita," katanya.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan melihat keperluan naik taraf de-

wan dan kemudahan bagi memastikan semua arena dalam keadaan terbaik menjelang temasya dwitahunan itu.

Pengarah Jabatan Pembangunan Komunitinya Shahrin Ahmad berkata aspek keceriaan, kebersihan, kemudahan tandas orang kurang upaya serta penyaman udara antara yang diberi perhatian.

"Untuk kawasan MBSA, dewan Seksyen 19 antara dewan yang akan digunakan bagi acara bola tampar dan bola tampar pantai termasuk membuat penilaian di beberapa lokasi lain bagi sukan tae kwon do, wusyu dan bola sepak."

pancawarna

Dari asnaf ke usahawan Songkok Malaya

Kisah jatuh bangun anak kampung hidupkan warisan bangsa

6



Durian punca strok, mitos atau realiti?

Kisah viral jadi igauan, pakar kesihatan beri penjelasan sebenar

10



Wira malam Sungai Kantan benteng komuniti

365 hari meronda, penduduk jadi mata dan telinga polis

11

